

Kemahiran Generik Yang Diperoleh Pelajar Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan (Kemahiran Hidup) PKPG Semasa Menjalani Latihan Industri

Hanim Binti Sulaiman & Noor Hafisah Binti Sapuan

Fakulti Pendidikan,
Universiti Teknologi Malaysia

Abstrak : Kajian berbentuk deskriptif ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap kemahiran generik yang diperoleh di kalangan pelajar-pelajar tahun empat Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan (Kemahiran Hidup) Program Khas Pensiswazahan Guru (PKPG) Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia. Seramai 118 orang pelajar yang telah menjalani latihan industri selama lapan minggu dan kini berada di semester akhir pengajian telah terlibat sebagai sampel kajian ini. Antara kemahiran generik yang dikaji adalah kemahiran komunikasi, pemikiran kritis dan kemahiran penyelesaian masalah, bekerja secara berpasukan, pembelajaran berterusan dan pengurusan maklumat, keusahawanan, kepimpinan dan kemahiran proaktif dan etika dan moral profesional. Instrumen kajian adalah dengan menggunakan kaedah soal selidik skala Likert lima mata. Nilai *alpha crobach* bagi indeks kebolehpercayaan item soal selidik dalam kajian rintis yang telah dijalankan ialah 0.894. Data mentah yang diperoleh telah dianalisis menggunakan perisian *Statistical Packages for the Social Science (SPSS) version 14.0*. Dapatan kajian menunjukkan keseluruhan elemen kemahiran generik berada pada tahap yang tinggi. Ini menunjukkan latihan industri yang diikuti oleh pelajar dapat membentuk kemahiran generik dalam diri pelajar. Beberapa cadangan telah dikemukakan bagi memungkinkan kajian lanjutan dijalankan.

Katakunci : tahap kemahiran generik, Pelajar Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan (Kemahiran Hidup) PKPG

Pengenalan

Kemahiran generik pada hari ini amat sinonim dengan keperluan pengajaran dan pembelajaran sama ada secara langsung atau tidak langsung di peringkat pengajian tinggi terutamanya di universiti-universiti awam. Penerapan kemahiran generik amatlah dititikberatkan kepada para graduan memandangkan ianya adalah medium penting bagi membekalkan sumber tenaga manusia yang seimbang dalam pembentukan budaya bangsa. Pelaksanaan kemahiran generik selari dengan pembangunan sahsiah untuk melahirkan bakal pekerja yang seimbang dari segi intelek, jasmani, emosi dan rohani selain berketrampilan. Ramuan ini merupakan formula penting dalam era pembangunan negara yang pesat membangun bagi menghadapi persaingan global pada masa kini.

Kearns (2001), mendefinisikan kemahiran generik sebagai kemahiran yang boleh digunakan merentasi sebilangan besar pekerjaan yang pelbagai. Ianya bukan sekadar merangkumi kemahiran asas tetapi juga merangkumi kemahiran kognitif, personal dan interpersonal yang relevan dengan sesuatu pekerjaan. Manakala menurut Kartini (2002), beberapa kemahiran generik perlu dikuasai oleh guru bagi melaksanakan pedagogi bestari seperti kemahiran berfikir, kemahiran mentaksir, kemahiran pemudahcara, kemahiran mentaksir dan menilai dan kemahiran teknologi komputer.

Di negara-negara Barat, pengamal dan pihak industri telah melihat kemahiran generik ini merupakan salah satu daripada aspek kemahiran yang perlu diberi perhatian dan sering dikaji (Kearns, 2001). Menurut Yahya (2006), negara Barat menganggap bahawa aspek kemahiran

generik adalah satu aspek kompetensi pekerjaan yang harus dimiliki oleh setiap pekerja untuk membolehkan mereka menjadi seorang pekerja yang berketrampilan dan berkeupayaan tinggi dalam dunia pekerjaan yang diceburi.

Bagi negara-negara maju seperti Amerika Syarikat, Australia, United Kingdom dan New Zealand, mereka memberi penekanan terhadap kemahiran generik dengan menerapkannya di dalam kurikulum pendidikan (Bennett, 1999). Kemahiran generik merupakan satu aspek yang penting dalam melahirkan graduan yang cekap bekerja, berketrampilan dan bernilai pasaran.

Dalam usaha untuk menyaingi negara-negara maju di era globalisasi, Negara perlu melakukan pelbagai rancangan strategik dan pelan pembangunan untuk menghasilkan perkembangan ekonomi berdaya saing. Melalui pendidikan dan latihan yang tersusun, modal insan untuk sektor perindustrian ini dapat dilatih dengan kemahiran dan ilmu pengetahuan yang diperlukan dalam industri yang terlibat (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2001). Institusi pengajian tinggi harus dijadikan sebagai tempat yang paling sesuai untuk menggilap kemahiran generic graduan. Graduan institusi pengajian tinggi pula perlu mempunyai keinginan dan keupayaan untuk melibatkan diri dalam proses pembentukan modal insan dengan minda kelas pertama ini. Justeru, penerapan kemahiran generik mesti dilaksanakan secara menyeluruh oleh universiti dengan melibatkan semua pihak yang ada hubungan dengan pelajar.

Universiti Teknologi Malaysia (UTM) telah menegaskan tujuh kemahiran generik untuk diterapkan di dalam proses pengajaran dan pembelajaran untuk semua pelajar siswazah UTM. Atribut graduan yang meliputi aspek teknikal dan generic merupakan asas yang paling pratikal dan berkesan dalam rekabentuk, pembangunan dan pelaksanaan kurikulum sesebuah program akademik. Kebanyakan program yang direkabentuk dan dibangunkan di UTM berasaskan atribut yang ditetapkan oleh badan profesional. Salah satu program tersebut adalah program latihan industri yang mewajibkan pelajar Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan (Kejuruteraan Awam, Elektrik, Mekanikal dan Kemahiran Hidup) menjalaninya selama lapan minggu. Tujuan program ini diadakan adalah untuk memberi pendedahan dan membuka minda pelajar mengenai operasi dan aktiviti sebenar di tempat kerja selain mengaplikasikan ilmu pengetahuan, kemahiran yang telah diperolehi di universiti dan mendapat sesuatu yang baru untuk kemajuan diri (Manual Garis Panduan Amalan Latihan Industri/Praktikal, 2007). Oleh itu, sewajarnya pelajar menimba sebanyak mungkin ilmu pengetahuan dan kemahiran yang boleh diperolehi sepanjang tempoh menjalani latihan industri.

Penyataan Masalah

Pembentukan Atribut Graduan merupakan salah satu strategi yang digariskan oleh pihak UTM dalam penerapan kemahiran generik di kalangan pelajar-pelajar. Kepentingan penguasaan kemahiran generik kepada setiap graduan UTM akan mempertingkatkan employability mereka dalam pasaran kerja kelak. Kemahiran ini juga tidak boleh dipandang remeh jika negara Malaysia ingin menempuh era globalisasi ke arah membangunkan sumber tenaga yang mempunyai ciri-ciri *Kworker*, celik dan mahir dalam teknologi, mampu bersaing ke peringkat global, memiliki jati diri dan daya saing yang tinggi. Dalam kajian ini, pengkaji cuba mengenalpasti tahap kesemua elemen kemahiran generik di kalangan pelajar tahun empat Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan (Kemahiran Hidup) PKPG yang telah menjalani latihan industri.

Objektif Kajian

Objektif kajian yang telah dijalankan ini adalah:

1. Mengenal pasti tahap kemahiran komunikasi di kalangan pelajar semasa menjalani latihan industri.
2. Mengenal pasti tahap pemikiran kritis dan kemahiran penyelesaian masalah di kalangan pelajar semasa menjalani latihan industri.
3. Mengenal pasti tahap bekerja secara berpasukan di kalangan pelajar semasa menjalani latihan industri.
4. Mengenal pasti tahap pembelajaran berterusan dan pengurusan maklumat di kalangan pelajar semasa menjalani latihan industri.
5. Mengenal pasti tahap keusahawanan di kalangan pelajar semasa menjalani latihan industri.
6. Mengenal pasti tahap kepimpinan dan kecenderungan proaktif di kalangan pelajar semasa menjalani latihan industri.
7. Mengenal pasti tahap etika dan moral profesional di kalangan pelajar semasa menjalani latihan industri.

Kepentingan Kajian

Kajian yang telah dijalankan adalah untuk mengenalpasti tahap kemahiran generik yang diperoleh pelajar tahun empat Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan (Kemahiran Hidup) PKPG yang telah menjalani latihan industri semasa di universiti dan kini berada di semester akhir sepanjang menjalani latihan industri selama lapan minggu. Secara khususnya kepentingan kajian ini diharap dapat memberi kepentingan kepada pihak berkenaan:

Universiti Teknologi Malaysia (UTM)

Dapatan kajian yang telah dijalankan ini diharap memberi maklum balas kepada pihak UTM khususnya Fakulti Pendidikan dalam usaha melahirkan pelajar yang berkualiti. Diharapkan UTM dapat memastikan pelajar UTM adalah mereka yang benar-benar mampu menjadi pelajar yang berkebolehan, bukan sahaja dari segi penguasaan ilmu tetapi juga dari segi sikap dan komitmen. Selain itu, diharapkan dapatan kajian ini dapat membantu pihak universiti mengenalpasti dan meningkatkan lagi tahap penguasaan kemahiran generik dan tahap kesedaran tentang pentingnya kemahiran generik di kalangan pelajar.

Jabatan Pendidikan Teknikal Dan Kejuruteraan (JPTK)

Membantu JPTK membentuk satu garis panduan untuk menilai keberkesanan penerapan kemahiran generik semasa pelaksanaan latihan industri di kalangan pelajar-pelajar Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan (Kemahiran Hidup) berdasarkan daripada hasil dapatan kajian. Melalui dapatan hasil kajian yang telah dijalankan, ia juga dapat memberi panduan dan penambahbaikan kepada pihak JPTK dalam usaha menerapkan kemahiran generik di kalangan pelajar semasa menjalani latihan industri bagi membentuk graduan yang berkualiti.

Penyelia Latihan Industri (UTM)

Membantu penyelia latihan industri dari Fakulti Pendidikan agar dapat memberikan bimbingan yang lebih membina kepada pelajar-pelajar sepanjang menjalani latihan industri serta menilai dan memantau permasalahan yang dihadapi oleh pelajar. Selain itu, dengan hasil dapatan kajian ini, dapat menjadi bahan rujukan kepada pihak penyelia latihan industri terhadap penguasaan kemahiran generik di kalangan pelajar semasa menjalani latihan industri.

Pelajar

Membentuk pelajar dalam memastikan mereka menyedari kepentingan penguasaan kemahiran generik di samping mengimbangkannya dengan kemahiran dan pengetahuan semasa mengikuti latihan industri. Kajian yang telah dijalankan ini diharap dapat membantu pelajar menguasai

kemahiran generik bagi melahirkan guru teknologi yang cekap dan bertanggungjawab serta berkualiti.

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini adalah untuk mendapatkan maklumbalas tentang kemahiran generik yang diperolehi pelajar yang telah menjalani latihan industri. Kajian yang dijalankan merupakan kajian berbentuk kajian kes berdasarkan kaedah deskriptif yang menggunakan soal selidik terhadap kemahiran generik yang diperolehi pelajar Universiti Teknologi Malaysia.

Mohd Majid (1994), menjelaskan penyelidikan deskriptif merupakan penyelidikan yang bermatlamat untuk menerangkan sesuatu fenomena yang sedang berlaku dan menerokai sesuatu bidang yang belum atau kurang dikaji.

Persampelan

Sampel merupakan sumber untuk mendapatkan data. Melalui persampelan, pengkaji boleh mendapatkan maklumat mengenai sesuatu populasi daripada sebahagian individu yang menganggotai populasi tersebut. Populasi boleh didefinisikan sebagai satu ciri yang menunjukkan cerapan atau ukuran yang tertentu ke atas sekumpulan individu atau objek (Mohd Majid, 1994).

Di dalam kajian ini, pengkaji melibatkan keseluruhan populasi iaitu seramai 118 orang pelajar tahun empat Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan (Kemahiran Hidup) PKPG Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor yang telah menjalani latihan industri semasa di universiti dan kini berada di semester akhir sebagai sampel kajian.

Instrumen Kajian

Instrumen kajian yang digunakan untuk mengumpul data merupakan satu set soal selidik. Menurut Mohd. Najib (2003), data dan maklumat yang diperolehi melalui soal selidik adalah lebih tepat. Kaedah ini juga dapat menjimatkan kos, masa dan senang untuk mendapat kerjasama daripada responden serta dapat menghasilkan item-item yang konsisten dan boleh dipercayai (Sulaiman, 2002). Soal selidik ini direkabentuk berdasarkan objektif kajian dan persoalan kajian.

Item-item yang terdapat dalam soal selidik ini dibahagikan kepada dua bahagian iaitu bahagian A dan bahagian B (Rujuk Lampiran A). Bahagian A berkaitan maklumat latar belakang responden, manakala bahagian B untuk mendapatkan maklumat tentang persoalan kajian. Bahagian-bahagiannya adalah seperti berikut:

Bahagian A : Mengandungi 5 soalan untuk mendapatkan maklumat latar belakang responden.

Bahagian B : Bahagian ini mengandungi 35 soalan yang berkaitan kemahiran generik yang diperolehi pelajar Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan (Kemahiran Hidup) PKPG sepanjang menjalani latihan industri selama lapan minggu.

Jadual 1 : Pembahagian Item Bahagian A Mengikut Faktor Demografi Responden

Nombor Soalan	Jenis Soalan
1	Jantina
2	Umur
3	Bangsa
4	Sektor Menjalani Latihan Industri
5	Bidang Kerja Semasa Latihan Industri

Di dalam bahagian B, pengkaji akan menumpukan soalan-soalan yang berkaitan dengan kemahiran generik yang diperolehi pelajar Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan (Kemahiran Hidup) PKPG sepanjang menjalani latihan industri selama lapan minggu. Bidang yang dikaji adalah seperti yang dinyatakan di dalam persoalan kajian.

Kajian Rintis

Kajian rintis ini bertujuan memastikan ketepatan item dalam soal selidik dari aspek kesahan kandungan dan mendapatkan indeks kebolehpercayaan item-item soal selidik sebelum kajian sebenar dijalankan. Menurut Mohd Najib (1999), kesahan membawa maksud data yang diperolehi adalah melambangkan apa yang diukur. Sesuatu ujian mestilah dapat dibuktikan dengan mengukur sesuatu kemahiran tertentu bukan mengukur perkara atau kemahiran lain. Kebolehpercayaan merujuk kepada ketekalan keputusan ujian, iaitu sesuatu tahap yang diperolehi oleh seseorang sememangnya melambangkan tahap kemahiran beliau dalam ujian tersebut.

Kesahan kandungan item-item soal selidik telah disemak oleh dua orang pensyarah iaitu En. Asnul Dahar bin Minghat dan Cik Sarimah binti Ismail daripada Jabatan Pendidikan Teknikal dan Kejuruteraan, Fakulti Pendidikan, UTM pada 22 Oktober 2007. Beberapa komen dan pembetulan kepada item soal selidik telah diberikan oleh mereka. Pengkaji telah mengambil kira komen yang diberi dan seterusnya telahpun membuat pembetulan ke atas beberapa item soal selidik.

Bagi mendapatkan indeks kebolehpercayaan item-item soal selidik, pengkaji telah mengedarkan sebanyak sepuluh set soal selidik kepada sepuluh pelajar yang terdiri daripada pelajar tahun empat Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan (Kemahiran Hidup) aliran Perdana, Universiti Teknologi Malaysia, Johor.

Dalam kajian rintis, nilai indeks kebolehpercayaan item-item soal selidik, ditentukan dengan menggunakan *Model Alpha Cronbach* yang terdapat *Statistical Packages for the Social Science (SPSS) version 14.0* dengan mengikut criteria berikut seperti pada jadual 3.4 di bawah

Jadual 2 : Pekali Alpha Cronbach

Nilai Alpha	Kedudukan Item
0.0 – 0.20	Ubah kesemua item
0.21 – 0.80	Ubah sebahagian item
0.81 – 1.00	Item boleh terima

Sumber: Mohd Najib (1999)

Hasil dari analisis data sepuluh responden yang terlibat dalam kajian rintis yang dijalankan, nilai indeks kebolehpercayaan yang diperolehi adalah 0.894. Ini menunjukkan indeks kebolehpercayaan mempunyai tahap yang tinggi dan setiap item boleh diterima.


Analisis Keseluruhan

Nilai min bagi keseluruhan tahap kemahiran generik yang diperolehi pelajar mengikut pecahan setiap persoalan kajian dapat dilihat pada jadual 3 di bawah:

Jadual 3 : Nilai Min Bagi Setiap Persoalan Kajian

Persoalan Kajian	Kemahiran	Min	Tahap
1	Bekerja Secara Berpasukan	4.31	Tinggi
2	Pembelajaran Berterusan dan Pengurusan Maklumat	4.27	Tinggi
3	Etika dan Moral Profesional	4.27	Tinggi
4	Kemahiran Komunikasi	4.26	Tinggi
5	Kepimpinan dan Kecenderungan Proaktif	4.26	Tinggi
6	Keusahawanan	4.08	Tinggi
7	Pemikiran Kritis dan Kemahiran Penyelesaian Masalah	3.89	Tinggi

Merujuk kepada Jadual 3 menunjukkan nilai min dan tahap bagi setiap elemen kemahiran generik yang diperoleh pelajar semasa menjalani latihan industri. Didapati status bagi kemahiran generik mengikut pecahan setiap persoalan kajian adalah pada tahap yang tinggi. Elemen kemahiran bekerja secara berpasukan mencapai tahap nilai min yang paling tinggi iaitu 4.31. Manakala elemen yang mencatat nilai min yang terendah adalah kemahiran pemikiran kritis dan kemahiran penyelesaian masalah iaitu 3.89. Sementara itu, kemahiran pembelajaran berterusan dan pengurusan maklumat dan etika dan moral profesional masing-masing mencatatkan nilai min yang kedua tinggi iaitu 4.27. Kemahiran komunikasi dan kemahiran kepimpinan dan kecenderungan proaktif mencatatkan masing-masing nilai min yang sama iaitu 4.26. Bagi kemahiran keusahawanan, mencapai nilai min pada tahap 4.08.



Rajah 1 : Peratus Keseluruhan Min Bagi Setiap Elemen Kemahiran Generik

Rajah 1 di atas menunjukkan peratus keseluruhan nilai min bagi setiap elemen kemahiran generik yang diperoleh pelajar semasa menjalani latihan industri. Ini menunjukkan ketujuh-tujuh elemen kemahiran generik mencapai tahap min yang tinggi.

Perbincangan

Dapatan kajian dalam persoalan kajian ini menunjukkan bahawa tahap kemahiran generik di kalangan pelajar semasa menjalani latihan industri dari aspek kemahiran komunikasi adalah tinggi. Ini terbukti apabila min keseluruhannya bagi persoalan kajian ini adalah 4.26. Melalui kajian yang dijalankan, pengkaji mendapati pelajar tidak menghadapi masalah dalam kemahiran

komunikasi. Menurut Abdul Rahman (2000), kemahiran komunikasi penting bagi pengkhususan kerja. Interaksi sesama manusia menjadikan seseorang itu mempunyai jati diri yang teguh sebagai insan. Beliau juga menyatakan bahawa pentingnya kemahiran komunikasi adalah untuk mewujudkan kerjasama bagi mencapai kehendak tugas. Jelas di sini menunjukkan bahawa interaksi sosial telah menjadi agen komunikasi yang berkesan bagi mewujudkan kemahiran ini. Sama ada disadari atau tidak, interaksi sosial juga telah membolehkan masyarakat pelbagai bangsa bersama-sama membina kehidupan dan bersatu dalam kelompok masyarakat yang sama.

Bagi item 22 iaitu “Saya mampu melahirkan idea dan pandangan secara lisan dengan jelas dan baik” mencatatkan nilai min yang terendah iaitu 4.00. Seramai 26 orang atau 22 peratus responden menjawab sangat setuju dengan item ini. Ini menggambarkan responden masih kurang berkeyakinan untuk menyampaikan idea dan pandangan mereka sendiri dan mempersembahkan maklumat dengan jelas kepada pihak majikan di tempat mereka menjalani latihan industri. Item ini disokong oleh Tengku Mahaleel (2002) yang menyatakan calon IPT kurang bijak berkomunikasi dan tidak berkeyakinan menjawab soalan-soalan malah tidak dapat menyakinkan bakal majikan tentang kelebihan diri untuk menyandang jawatan yang dipohon. Mereka tidak dapat berkomunikasi dengan baik dan ini merupakan punca kegagalan mereka mendapat pekerjaan. Jelas ditunjukkan di sini bahawa kepentingan komunikasi bukan sahaja diperlukan dalam proses pengajaran dan pembelajaran malahan lebih daripada itu selagi kita berurusan dengan manusia. Bert Decker (1993) menyatakan bahawa kemahiran komunikasi dalam dunia professional adalah amat penting untuk mencapai keberkesanan profesional kerana wujudnya persaingan yang tinggi.

Dapatan kajian dalam persoalan kajian yang kedua ini pula menunjukkan bahawa tahap kemahiran generik di kalangan pelajar semasa menjalani latihan industri dari aspek pemikiran kritis dan kemahiran penyelesaian masalah adalah tinggi di mana ia mencapai tahap min keseluruhan 3.89. Pastinya kemahiran ini adalah antara aspek yang dititikberatkan dalam apa jua organisasi termasuklah juga dalam industri pekerjaan. Ini kerana, menurut Som dan Mohd Dahalan (1998), kajian mengenai keperluan pekerjaan menunjukkan bahawa tenaga kerja masa hadapan memerlukan pemikiran yang tajam, iaitu kritis, inovatif, imaginatif dan kreatif berbanding masa-masa lalu. Secara tidak langsung, ia akan mencetuskan pemikiran kreatif dan analitis dan mengeluarkan pendapat di kalangan pekerja bagi percambahan idea dalam menyelesaikan masalah yang diberikan dan mencapai sasaran atau objektif sesebuah syarikat.

Manakala bagi item 30 iaitu “Saya memerlukan masa yang sedikit bagi menyelesaikan masalah yang rumit”, menunjukkan nilai min yang terendah bagi persoalan kajian kedua ini iaitu sebanyak 3.74. Jelas daripada dapatan ini menunjukkan bahawa kebanyakan responden mengalami kekurangan dalam elemen penyelesaian masalah yang rumit kerana mereka terpaksa mengambil masa yang agak panjang untuk menyelesaikannya. Masalah berkemungkinan merupakan apa sahaja tugas atau projek yang hendak dilaksanakan oleh seseorang dalam pekerjaan mereka. Pada kebiasaannya ia melibatkan pelbagai langkah dan tahap. Kebanyakan penyelesaian masalah memerlukan kaedah yang sesuai dengan masalah yang hendak diselesaikan. (Newell dan Simon, 1993). Menurut Krulik dan Rudnik (1993), menyatakan bahawa penyelesaian masalah adalah satu proses di mana seseorang individu tersebut perlu menggunakan pengetahuan lepas, kefahaman dan teknik-teknik tertentu yang sesuai dengan masalah yang dihadapi kini.

Dapatan kajian dalam persoalan kajian yang ketiga ini menunjukkan bahawa tahap kemahiran generik di kalangan pelajar semasa menjalani latihan industri dari aspek bekerja secara berpasukan adalah tinggi, di mana ia mencapai tahap min keseluruhan 4.31. Berdasarkan

kepada kadar peratusan dan min yang tinggi ini, jelas menunjukkan bahawa aspek kerja secara berpasukan juga memainkan peranan penting dalam kemahiran generik yang diperoleh semasa menjalani latihan industri oleh pelajar. Di dalam bidang industri, pekerja yang dapat membantu perkembangan dan pertumbuhan industri amat diperlukan. Pekerja tersebut bukan sahaja mempunyai kemahiran menyelesaikan masalah dan menunjukkan inisiatif, malah juga perlu mampu menyesuaikan diri dengan mudah, rela bekerjasama, dan tidak mementingkan diri sendiri dan mampu berkomunikasi dengan baik (McCarty, 1989). Kemahiran tambahan berkaitan kemahiran kerja berpasukan ialah kebolehan memberi sumbangan kepada perancangan dan menyelaraskan hasil usaha kumpulan serta bertanggungjawab terhadap keputusan kumpulan.

Bagi item 3 “Saya sentiasa bekerja secara efektif dengan rakan sekerja bagi mencapai objektif yang telah ditetapkan”, nilai min yang dicapai adalah 4.25. Ini merupakan nilai min yang terendah dalam persoalan kajian ketiga. Ini menunjukkan bahawa responden kurang bersikap profesional dalam mencapai objektif yang telah ditetapkan oleh pihak majikan semasa menjalani latihan industri. Bekerja secara berpasukan dalam organisasi merupakan satu aspek yang sangat penting sekiranya sesebuah organisasi itu mahu mencapai matlamat mereka dengan lebih efisien dan berkesan (Kempt, dan Seagraves, 1995). Kekurangan kerjasama dalam kumpulan akan menyebabkan pengeluaran tidak mencapai matlamat, pembaziran masa kerana berlakunya pengulangan tugas yang sama dan suasana kerja yang tidak memberangsangkan. Kamarudin (1989), menyatakan bahawa sikap merupakan pembawaan seseorang yang dipengaruhi oleh emosi untuk bertindakbalas dengan cara-cara yang tertentu terhadap seseorang, sesuatu kumpulan, isu-isu tertentu atau benda-benda. Sikap merupakan pembawaan yang terbit daripada personaliti individu itu sendiri dan dipengaruhi oleh sikap dan tingkahlaku kumpulan atau beberapa kumpulan yang ada hubungan dengannya.

Analisis bagi item-item untuk elemen kemahiran generik di kalangan pelajar dari aspek pembelajaran berterusan dan pengurusan maklumat pada jadual 4.9, menunjukkan kesemua min adalah pada tahap yang tertinggi. Nilai min secara keseluruhannya, bagi persoalan kajian keempat yang berkaitan dengan apakah tahap pembelajaran berterusan dan pengurusan maklumat di kalangan pelajar semasa menjalani latihan industri mencapai tahap yang tinggi iaitu 4.27. Analisis ini jelas menunjukkan bahawa aspek pembelajaran berterusan dan pengurusan maklumat merupakan antara elemen yang amat dititikberatkan sepanjang responden menjalani latihan industri. Sesebuah organisasi tidak kira dari organisasi kecil atau sederhana atau besar sekali pun memerlukan kemahiran yang sepatutnya. (Aniha, 2003). Pembelajaran berterusan ini membolehkan seseorang cintakan ilmu, sentiasa mengaplikasikan teori pembelajaran dalam kehidupan mereka, sentiasa mempelajari sesuatu yang baru, dan boleh membuat sesuatu peristiwa sebagai satu pembelajaran (Bligh, 2000).

Analisis bagi item 18 iaitu “Saya mampu mengarahkan diri sendiri melalui pembelajaran sendiri”, mencatatkan nilai min yang terendah bagi persoalan kajian yang keempat iaitu 4.10. Jelas menunjukkan di sini bahawa responden mengalami kegagalan untuk mengaplikasikan pengetahuan dan teori pembelajaran yang diperoleh serta mengkonstrak segala maklumat semasa pembelajaran sebelum mereka menjalani latihan industri. Menurut Hoffman dan Richie (1997), pelajar memerlukan banyak sumber maklumat bagi menyelesaikan masalah berkaitan dengan pembelajaran sendiri melalui penggunaan pelbagai elemen bagi memperoleh maklumat yang berkaitan tugas dan secara tidak langsung ini dapat merangsang pemikiran kritis dan kreatif mereka untuk menguruskan maklumat yang diperoleh. Pelajar akan mendapat perwakilan yang kaya dengan maklumat yang member kesedaran kepada mereka tentang konteks fizikal dan sosial yang relevan kepada tugasnya.

Analisis bagi item-item untuk elemen keusahawanan di kalangan pelajar pada jadual 4.10, telah menunjukkan nilai min keseluruhan bagi persoalan kajian kelima ini mencapai nilai 4.27. Kemahiran keusahawanan ini merangkumi pelbagai kriteria bagi membolehkannya menjadi salah satu kemahiran generik yang perlu ada dalam setiap diri pelajar. Secara ringkasnya, Nor Asiah (2002) menyatakan bahawa individu yang layak dikenali sebagai usahawan adalah mereka yang mempunyai kriteria seperti pencari peluang tanpa mengenal penat lelah, tidak mengharapkan kejayaan dengan sekelip mata, berkeyakinan tinggi, memiliki kerajinan dan ketekunan, berani menghadapi risiko, bersifat kreatif dan boleh mengurus.

Manakala bagi nilai min yang terendah bagi persoalan kajian yang kelima ini adalah item 19 iaitu “Saya sering melibatkan diri dengan aktiviti pemasaran yang dijalankan oleh pihak industri”, iaitu nilai catatan min adalah 3.85. Berdasarkan kepada peratusan dan min yang rendah berbanding dengan item-item lain dalam elemen kemahiran generik di kalangan pelajar dari aspek kemahiran keusahawanan ini, jelas menunjukkan bahawa responden kurang melibatkan diri dalam aktiviti pemasaran yang telah dijalankan oleh pihak industri semasa mereka menjalani latihan industri. Dapatan ini amat bertentangan dengan pendapat yang diutarakan oleh Nor Asiah (2002) berkaitan dengan pengalihan positif yang menyatakan pengaruh seseorang itu untuk menjadi usahawan timbulnya daripada keluarga, rakan, mentor, pelabur, pembekal dan juga pelanggan.

Rujukan

- Azalya Ayob (2003). *Kepentingan Kemahiran Generik Di Kalangan Pekerja Di Industri Elektrik dan Elektronik Di Bayan Lepas, Pulau Pinang*. Universiti Teknologi Malaysia: Projek Sarjana Muda.
- Bassi, L.J and Russ-eft, D. (1997). *What Works. Assessment, Development, and Measurement*. America Society for Training and Development.
- Bennett, N., Dunne, E. & Carre, C. (1999). *Patterns of Core and Generic Skill Provision in Higher Education*. New York: Routledge.
- Crow dan Crow (1983). *Psikologi Pendidikan Untuk Perguruan*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- De Grip and J.Van Loo (2002). The Economics of Skill Obsolescence, Research in Labour Economics, Chap. *The Economics of Skills Obsolescence: A Review* vol.21, JAI Press: Stamford. 1-26
- Ee Ah Meng (1997). *Pedagogi I Kurikulum dan Pengurusan Bilik Darjah (Semester II)*. Selangor: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Hoffman, B., dan Ritchie, D. (1997). Instructional Science. *Using Multimedia to Overcome The Problems with Problem – Based Learning*. 25: 97-115
- Jabatan Pengurusan Institusi Pengajian Tinggi Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (2006). *Modul Pembangunan Kemahiran Insaniah (Soft Skills) untuk Institusi Pengajian Tinggi Malaysia*. Putrajaya: Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.
- Jessica Pumphrey dan Jo Slater (2002). *An Assessment of Generic Skills Needs*. London: Dies Publication.
- Kamariah Zakaria (2005). *Penerapan Kemahiran Generik Dalam Pengajian Kejuruteraan Di Sekolah Menengah Teknik Di Negeri Terengganu*. Universiti Teknologi Malaysia: Projek Sarjana Muda.
- Lynne Wright (1997). *Generic Skills Working Party Final Report and Recommendations Wollongong*. University UK

- Manual Garis Panduan Amalan Latihan Industri / Praktik* (2007). Skudai. Universiti Teknologi Malaysia.
- Nor Aishah Buang (2002). *Asas Keusahawanan*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Obliger, D.G dan Verville, A.L. (1998). *What Business Wants From Higher Education*. Phoenix: The Oryx Press.
- Pusat Perkembangan Kurikulum (1995). *Kemahiran Generik*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Quek, Ai-Hwa (2005). Journal Of Workplace Learning. *Learning For The Workplace: A Case Study In Graduate Employee's Competencies*. 17(4): 231-242.
- Robinson J.P (2000). *The Workplace*. Alabama Cooperative Extension System. Tidak Diterbitkan
- Sabitha Marican (1993). *Pengurusan Masalah dan Penyelesaian*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Tengku Mahaleel Tengku Ariff (2002). Ciri-ciri Kualiti Pelajar Untuk Keperluan Pekerjaan Pada Masa Kini. *Seminar Antara Industri dan Industri Pendidikan Awam*.
- Utusan Malaysia (2006). *Graduan Perlu Tingkat Kemahiran Insaniah*. 6 Februari 2006.
- W. Smits. (2007). Labour Economics. *Industry- Spesific or Generic Skills? Conflicting Interest of Firms and Workers*. 14(3): 653-663.